

# KENYATAAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) (NOTIS PELAWAAN CADANGAN)

CADANGAN PENGURUSAN TERMINAL FERI ANTARABANGSA LABUAN (TFAL) LOT 7079, JALAN MERDEKA, WP LABUAN SECARA *REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)*  
(NO. RFP : PL/JSE/P/100-0/39)

1. RFP ini adalah dipelawa daripada Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Syarikat 2016 dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut.
2. Maklumat RFP serta kelayakan asas pembida adalah seperti berikut :

SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DOKUMEN BOLEH DIPEROLEHI	TEMPAT PENGHANTARAN DOKUMEN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT RFP TUTUP
Syarikat didaftarkan di Malaysia di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Syarikat 2016	25 Oktober 2022 (Selasa) 11.30 Pagi  Bilik Mesyuarat Sentosa, Tingkat 9, Menara Perbadanan Labuan, WP Labuan (kehadiran adalah diwajibkan)	10 Oktober 2022 (Isnin) Sehingga 28 November 2022 (Isnin)  Muat turun di laman web PL <a href="http://www.pl.gov.my">www.pl.gov.my</a>	Peti Tender No. 1, Tingkat 2, Blok A, Wisma PL Perbadanan Labuan	5 Disember 2022 (Jumaat)  12.00 Tengah hari  Peti Tender No. 1, Tingkat 2, Blok A, Wisma PL Perbadanan Labuan

3. Syarikat juga wajib memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
  - Mempunyai modal berbayar syarikat sekurang-kurangnya sebanyak RM500,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Ribu Sahaja)
  - Mempunyai pengalaman dan pernah mengendalikan sesuatu pengurusan yang serupa
4. Kehadiran Kontraktor/Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**.
5. Dokumen RFP hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil syarikat juga hendaklah membawa dokumen-dokumen ASAL dan SATU (1) SALINAN Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
6. RFP ini akan ditutup pada 5 DISEMBER 2022, BERSAMAAN HARI ISNIN, JAM 12.00 TENGAHARI. Dokumen RFP yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek iaitu "CADANGAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI SEWAAN/PAJAKAN HARTA TANAH PENGOPERASIAN TERMINAL FERI ANTARABANGSA LABUAN (TFAL), WP LABUAN" hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga / RFP yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
7. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan RFP ini.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN LABUAN DI ALAMAT

[www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)